

11 DEC 1999

Syed Razak-Exco

BILANGAN SEPULUH ANGGOTA EXCO KEDAH KEKAL

ALOR SETAR, 11 Dis (Bernama) -- Bilangan 10 orang anggota exco kerajaan negeri Kedah akan dikekalkan, kata Menteri Besar Datuk Syed Razak Syed Zain hari ini.

"Daripada jumlah itu, kuota setiap satu untuk MCA, MIC dan Gerakan juga kekal," katanya kepada pemberita selepas mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di Istana Anak Bukit, di sini.

Beliau menjadi Menteri Besar Kedah keenam menggantikan Tan Sri Sanusi Junid yang enggan menyambung tugas itu kerana merasa bertanggungjawab terhadap prestasi Barisan Nasional yang merosot pada pilihan raya umum lepas.

Syed Razak, 55, berkata kuota setiap satu untuk komponen parti Barisan Nasional itu telah dipersetujui oleh presiden parti masing-masing di peringkat nasional.

Beliau berkata senarai exco itu telah dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan ia merupakan satu kabinet yang mampu menjalankan kerja dengan baik serta diterima semua pihak.

Ditanya sama ada beliau akan mengekalkan sistem pelantikan exco dari setahun ke setahun atau menukar kepada lima tahun sekali, Syed Razak berkata perkara itu belum diputuskan lagi.

"Saya telah serahkan cadangan kepada Dr Mahathir melibatkan kedua-dua sistem ini. Bagi saya, setiap satunya tidak menjadi masalah jika digunakan," katanya.

Kedah ketika ini menggunakan sistem pelantikan exco dari setahun ke setahun, yang diperkenalkan oleh Sanusi, untuk membolehkan prestasi anggotanya dinilai setiap tahun.

Ditanya mengenai speaker Dewan Undangan Negeri, Syed Razak berkata beliau telah menyenaraikan beberapa nama kepada Perdana Menteri untuk diputuskan.

"Ia bukan daripada kalangan anggota dewan," katanya.

-- BERNAMA

MAN MAI